

SEKOLAH TAHFIZ SWASTA DI SELANGOR: SATU KAJIAN RINTIS TERHADAP PENGUASAAN ILMU TAJWID**PRIVATE TAHFIZ SCHOOL IN SELANGOR: A PILOT STUDY ON THE MASTERY OF ILMU TAJWID**

Zainora binti Daud¹, Shaharuddin Saad², Ahmad Shahir Masdan³

¹Pensyarah Kanan, FPQS, USIM, zainora@usim.edu.my

²Pensyarah, Jab.Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS, shaharuddin@kuis.edu.my

³Pensyarah, Jab.Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS, shahir@kuis.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima :29 Sep 17

Selepas Pembetulan:21 Dec 17

Diterima untuk diterbit :21 Dec 17

ABSTRAK

Ilmu Tajwid merupakan ilmu yang berkaitan cara-cara sebutan huruf-huruf *Hija'iyah* di dalam al-Quran serta hukum-hukum tajwid. Justeru itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti latarbelakang pelajar dan mengkaji silibus ilmu tajwid yang dipelajari dan menganalisis tahap kefahaman responden di dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu tajwid. Responden kajian ini terdiri daripada 30 orang pelajar di sebuah sekolah tahfiz swasta di bawah Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor (PITAS), Selangor. Pengkaji menganalisis kajian ini dengan menggunakan peratusan dan kekerapan dalam silibus pengajian ilmu tajwid dan menggunakan peratusan, kekerapan, min dan sisihan piawai dan data kajian ini dianalisis berdasarkan Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 20.0. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk kuantitatif bersifat deskriptif melalui kaedah tinjauan semasa dengan menggunakan metode soal selidik lima pilihan berskala likert, temu bual semi struktur, pemerhatian dan ujian tilawah al-Quran. Kesemua instrumen pengutipan data telah disahkan kandungannya oleh panel rujukan pakar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa antara tahap penguasaan yang paling tinggi dicapai oleh responden dalam ilmu tajwid ialah item bab *Mad Asli* (min5.00, sp=0.00) dengan responden 100% sangat setuju, item bab *Alif Lam* (min4.96, sp=0.18) dengan responden sangat setuju 96.7%, item pengenalan ilmu tajwid (min4.90, sp=0.40) dengan responden sangat setuju 93.3%, item bab *Basmalah* (min4.76, sp=0.81) dengan responden sangat tidak setuju 90.0%, item bab hukum *nun Sakinah dan Tanwin* (min4.60, sp=1.06) dengan responden sangat bersetuju 83.3%, item bab *Izhar Halqi* dengan kadar bacaan dengung

(min4.36, sp=1.37) dengan responden sangat tidak setuju 80%, item bab hukum *Mim Sakinah* (min4.13, sp=0.29) dengan responden sangat setuju 73.3% dan item bab bacaan *Riwayat Imam Hafs* (min4.23, sp=1.22) dengan responden sangat setuju 63.3%. Kesimpulannya menunjukkan min keseluruhan item ialah min 4.19 dan sisihan piawai=0.97 iaitu berada pada tahap tinggi, tetapi terdapat min bagi item-item bab hukum mempelajari ilmu tajwid (min2.06, sp=1.38) dengan responden amat setuju 50% dan kadar harakat *Mad Far'ie* (min2.96, sp=1.75) dengan responden amat setuju 36.7% berada pada tahap sederhana rendah. Ini menunjukkan bahawa tahap penguasaan para pelajar di tahap yang memuaskan tetapi memerlukan pemurnian di teori-teori ilmu tajwid yang merangkumi bab hukum bacaan al-Quran serta bab *Mad Far'ie* supaya bacaan al-Quran dapat dinaqalkan secara *talaqqi* dan *musyafahah* dengan shahih sebagaimana Rasulullah SAW.

Kata Kunci:

Tahap, Penguasaan, Tajwid, PITAS, *Naqal*

ABSTRACT

Ilmu Tajwid is a knowledge related to the terms of the Hija'iyah letters in the Qur'an and the rules of tajwid. Therefore, this study was conducted to identify the background of the students and to study the syllabus of the knowledge gained and to analyze the level of understanding of the respondents in the teaching and learning of tajwid knowledge. The respondents of this study consist of 30 students at a private Tahfiz School under the Association of Selangor State Al-Quran Tahfiz Institutions (PITAS), Selangor. The study analyzes by using the percentage and frequency in the syllabus of tajwid knowledge and using the percentage, frequency, mean and standard deviation and the data of this study is analyzed by Statistical Package for the Social Science (SPSS) version 20.0. The design of the study was quantitative in the form of a descriptive characteristic through the current survey method using a five-choice Likert scale questionnaire, semi-structural interviews, observations and tilawah trials of the Qur'an. All data collection instruments have been verified by the expert panel. The findings show that among the highest level of mastery achieved by respondents in tajwid knowledge is the Mad Asli item (min5.00, sp = 0.00) with respondents 100% strongly agree, Alif Lam item (min4.96, sp = 0.18) with respondents strongly agree 96.7%, tajwid knowledge (min4.90, sp = 0.40) with respondents strongly agree 93.3%, Basmalah item (min4.76, sp = 0.81), Nun Sakinah and Tanwin item (min4.60, sp = 1.06) with respondents strongly agree 83.3%, items Izhar Halqi with dengung (min4.36, sp = 1.37) with respondents very agree with 80%, Mim Sakinah item (min4.13, sp = 0.29) with respondents strongly agree 73.3% and Riwayat Imam Hafs item (min4.23, sp = 1.22) with respondents strongly agree 63.3%. The conclusion shows that the mean of the item is min 4.19 and the standard deviation = 0.97 is at high level, but there are meanings for the subjects of hukum-hukum studying tajwid

knowledge (min2.06, sp = 1.38) with respondents agree 50% and Mad Far'ie (min2.96, sp = 1.75) with respondents strongly agree 36.7% are in moderate level. This shows that the level of mastery of the students is at a satisfactory level but requires purification in theories of tajwid knowledge which includes the chapter of the Quran reading law and the Mad Far'ie chapter so that the recitation of the Qur'an can be tuned in talaqqi and musyafahah with the authenticity of the Prophet.

Keywords:

Stage, Mastery, Tajwid, PITAS, Naqal

1. Pendahuluan

Ilmu tajwid memainkan peranan yang sangat penting di dalam pembacaan al-Quran. Sekiranya pembaca tidak mengetahui hukum-hukum tajwid al-Quran sehingga berlaku pertukaran huruf dan baris akan membawa implikasi perubahan maksud ayat al-Quran yang jelas akan menyebabkan berdosa dan haram hukumnya.

Ayat ini jelas menunjukkan kewajipan membaca al-Quran dengan tajwid iaitu dengan menyebut setiap kalimah al-Quran secara tartil iaitu perlahan-lahan sehingga membantu di dalam memahami dan mentadabbur ayat-ayat al-Quran. (Lajnah al-Tilawah, 2010)

Hukum mempelajari ilmu tajwid adalah wajib fardhu kifayah, manakala hukum mengamalkan ilmu tajwid pula wajib fardhu ain. (Lajnah al-Tilawah, 2010). Ini jelas menunjukkan pentingnya penguasaan ilmu tajwid dalam membaca al-Quran.

Kajian ini sangat signifikan untuk menilai dan mengkaji tahap penguasaan ilmu tajwid dalam kalangan pelajar-pelajar di Sekolah Tahfiz Swasta di Negeri Selangor.

2. Latar Belakang Kajian

Mengikut observasi tinjauan yang telah dilakukan oleh pihak penyelidik secara langsung atau tidak langsung maka didapati sebahagian besar pelajar-pelajar di Sekolah-sekolah kurang menguasai Ilmu Tajwid.

Ini disokong dengan hasil kajian Lily Zuraini Mohd Mustaza (2011) bahawa terdapat beberapa masalah yang dikenalpasti yang dihadapi oleh para pelajar tingkatan dua sekolah-sekolah menengah kebangsaan dan sekolah agama di daerah Kuala Kangsar yang boleh mengganggu mereka untuk menguasai ilmu tajwid. Para pelajar mempunyai persepsi dan minat yang mendalam terhadap ilmu tajwid akan tetapi kaedah pengajaran dan pembelajaran memberi sedikit faktor kepada mereka untuk menguasai ilmu tersebut dengan lebih baik.

Ini disokong dengan kajian oleh Ahmad Rozaini Ali Hasan (2010), yang menunjukkan tahap penguasaan bacaan al-Quran di kalangan pelajar UITM. Hasil kajian mendapati 72.67% dari keseluruhan responden adalah sederhana dan 36.91% responden adalah lemah. Masalah utama yang didapati, 43% tidak mengetahui hukum Tajwid, selebihnya sukar

menyebut huruf dengan tepat. Justeru, menyedari akan kepentingan penguasaan ilmu tajwid khususnya dikalangan pelajar-pelajar tahfiz yang bakal memimpin masyarakat, maka satu kajian perlu dilakukan untuk meneliti dan mengkaji sejauhmanakah tahap penguasaan mereka terhadap ilmu tajwid.

Malahan hasil kajian Rashidah Md Hassan etal juga menyokong bahawa dalam kelancaran bacaan al-Quran dan aplikasi hukum-hukum tajwid kalangan majoriti para pelajar sek.rendah juga berada di tahap sederhana.

Dapatan kajian juga sebahagian dari pelajar-pelajar Sekolah Tahfiz tersebut tidak mempunyai asas dalam penguasaan ilmu tajwid. Bukti yang menyatakan bahawa pelajar-pelajar ini kurang menguasai dan tidak mempunyai asas di dalam ilmu tajwid adalah berdasarkan kepada proses temuduga oleh penyelidik-penyelidik sendiri ketika sesi menemuduga pelajar-pelajar untuk kemasukan di peringkat Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat KUIS.

Kajian ini akan memfokuskan kepada Sekolah-sekolah Tahfiz Swasta di Selangor yang telah berdaftar di bawah Persatuan Tahfiz Selangor (PITAS) serta telah beroperasi melebihi 10 tahun dari tahun penubuhannya dengan mengikut zon daerah yang dipilih secara rawak.

3. Objektif Kajian

Objektif dalam kajian ialah untuk:

- i. Mengenalpasti latarbelakang para pelajar yang terlibat dengan pengajian tahfiz di Sekolah Tahfiz Swasta .
- ii. Meneroka silibus ilmu tajwid yang dipelajari.
- iii. Menganalisis tahap penguasaan ilmu tajwid dalam kalangan pelajar-pelajar Sekolah Tahfiz Swasta.

4. Metodologi

Sample dan metod pengumpulan data

Terdapat dua responden dalam kajian ini. Guru yang melaksanakan pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran dan tajwid di Ma'ahad Tahfiz Az Zahrah bertempat di Batu 18, Hulu Langat yang terlibat dengan 60 peratus hafazan, 25 peratus akademik dan 15 peratus syakhsiah. Seramai empat orang guru telah dipilih menjadi responden kajian ini yang terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran subjek tajwid dan al-Quran.

Sebanyak 30 set soalselidik diedarkan sendiri oleh pengkaji terhadap para pelajar yang telah disetkan oleh pihak pentadbiran ma'ahad tahfiz iaitu pelajar kelas enam yang telah mengikuti kurikulum ilmu tajwid. Satu set soalan ujian tilawah turut diadakan kepada lima orang pelajar tingkatan lima dengan kebenaran pihak pentadbiran serta pengetua ma'ahad. Pemilihan institusi ini berdasarkan kepada sekolah tahfiz swasta yang melaksanakan program Tahfiz al-Qur'an dan terlibat dengan

kurikulum subjek tajwid. Ianya mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi kajian.

Instrumen

Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik kerana ia bersesuaian dengan keadah tinjauan. Soal selidik yang digunakan adalah soal selidik jawapan dipilih. Dalam kajian ini penyelidik telah memilih untuk menggunakan kaedah pemungutan data secara skala jawapan jenis Likert lima mata sebagai skala jawapan responden pelajar terhadap semua pernyataan yang digunakan dalam instrumen kajian ini. Skala Likert adalah sesuai digunakan bagi mengukur pandangan yang diberikan oleh responden dalam ruang tertentu secara berterusan tentang suatu amalan persepsi dan sikap (Cohen, 1989). Dalam instrumen kajian ini, responden diminta memilih jawapan mereka dengan menandakan salah satu nombor dari 1 hingga 5 berdasarkan keterangan bagi nombor-nombor tersebut iaitu Sangat Tidak Memuaskan (1) hingga kepada Sangat Memuaskan (5).

Bagi menentukan kesahan dalam soal selidik, soalan temubual, pemerhatian dan ujian tilawah telah dirujuk kepada dua orang yang mempunyai kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang pendidikan al-Quran.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Stufflebeam (1971)

Penyelidik juga mengumpulkan data kualitatif melalui satu set temu bual semi struktur kalangan responden guru yang dipilih juga berasaskan persampelan purposif yang mana responden adalah guru yang berpengalaman serta terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran hifz al-Quran dan tajwid dan yang bersedia untuk memberikan kerjasama yang baik dalam kajian ini seramai empat orang. Pengkaji juga melakukan pemerhatian tidak turut serta dalam kajian ini. Temu bual ini juga membantu penyelidik dalam memperkayakan beberapa data yang diperolehi dalam soal selidik dan pemerhatian. Menurut Mohd Majid Konting, 2009 bahawa Penggunaan kaedah temubual ini sangat praktikal digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat daripada responden kajian.

5. Dapatan Kajian

Analisis Profil Responden

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama akan menjelaskan profil responden, manakala bahagian kedua akan

menjelaskan tentang dapatan penguasaan ilmu tajwid yang merangkumi silibus ilmu tajwid dan kefahaman responden dalam kajian ini. Kesemua pelajar yang menjadi responden kajian ini ialah pelajar yang terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran ilmu tajwid di lokasi kajian. Dapatan kajian profil pelajar meliputi maklumat daerah, umur, jantina, negeri asal, pekerjaan ibu/bapa dan pendorong untuk memilih bidang tahfiz al-Quran. Kesemua dapatan ini boleh dilihat dalam jadual 2.

Jadual 2: Bahagian A Latar Belakang Pelajar

Item		Kekerapan	Peratusan
Daerah	Hulu Langat	30	100%
Umur	Kurang 12 tahun	0	0%
	13 – 15 tahun	9	30%
	16 – 17 tahun	18	60%
	Lebih 18 tahun	3	10%
Jantina	Perempuan	30	100%
	Lelaki	0	0%
Negeri Asal	Selangor	14	46.7%
	Luar Selangor	16	53.3%
	Luar Negara	0	0%
Pekerjaan ibu/bapa	Kerajaan	16	53.3%
	Swasta	7	23.3%
	Sendiri	7	23.3%
Pendorong untuk belajar	Ibu/bapa	25	83.3%
	Kawan	0	0%
	Guru	0	0%
	Sendiri	5	16.7%
	Lain-lain	0	0%

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-1 April 2014

Berdasarkan jadual 1 di atas, Daripada 30 orang reponden yang terlibat dengan pembelajaran ilmu tajwid di Ma’ahad Tahfiz Azzahrah, Hulu Langat. Dari aspek umur, 60% pelajar berumur antara 16 hingga 17 tahun, diikuti umur 13-15 tahun sebanyak 30% dan lebih 18 tahun sebanyak 10%. Ini menunjukkan bahawa para pelajar yang memasuki pengajian tahfiz ini selepas mereka menamatkan pengajian di peringkat sekolah rendah. Manakala dari aspek jantina, semua pelajar adalah perempuan.

Hanya 46.7% peratus sahaja yang berasal dari kelahiran negeri Selangor berbanding dengan 53.3% dari luar negeri Selangor. Hampir separuh daripada pekerjaan ibubapa terlibat sebagai kakitangan kerajaan berbanding bekerja di sektor swasta 23.3% dan bekerja sendiri sebanyak 23.3%. Dan dari aspek faktor utama yang mendorong mereka terlibat dengan pengajian tahfiz ialah ibubapa 83.3% dan diri sendiri sebanyak 16.7%.

Kesimpulannya, hasil daripada dapatan profil pelajar yang terlibat dengan pengajian ilmu tajwid secara keseluruhannya, menunjukkan bahawa faktor utama mereka memilih bidang tahfiz al-Quran ialah dorongan ibubapa ditambah dengan kemampuan ibubapa mereka untuk menanggung kos-kos pendidikan tahfiz al-Quran. Bahkan faktor umur juga menyumbang ke arah sokongan penuh ibubapa kerana mereka masih di bawah tanggungan. Pihak Ma'ahad Tahfiz juga mengambil berat dengan memisahkan pengajian berdasarkan jantina kerana ingin memelihara ayat-ayat hafazan mereka supaya akhlak seorang huffaz mudah dibentuk mengikut acuan al-Quran dan al-Sunnah.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Analisis


Kebolehpercayaan merupakan prasyarat kepada kesahan walaupun tidak menjamin kesahan sepenuhnya (Othman Lebar: 2009). Menurut Pallant (2001) dalam Noraini Idris(2010), nilai indeks alpha sebanyak .7 atau ke atas adalah baik untuk skala instrumen yang mempunyai sepuluh item atau lebih item. Manakala nilai alpha sebanyak .5 pula dianggap baik untuk skala instrumen yang mempunyai kurang daripada sepuluh item.

Kajian ini juga telah mendapat kesahan daripada dua orang pakar dalam bidang pendidikan al-Quran dan tajwid. Sehubungan dengan itu, elemen kesahan dan elemen kebolehpercayaan memainkan peranan penting dalam proses penyelidikan. Hasil kajian rintis yang dijalankan oleh penyelidik menunjukkan bahawa koefisien kebolehpercayaan bagi keseluruhan soal selidik pelajar ialah .82. Dan bagi semua item-item kefahaman ilmu tajwid melebihi $>.7$. Ini menunjukkan satu koefisien kebolehpercayaan yang berada dalam tahap tinggi di dalam menilai persepsi pelajar terhadap kefahaman ilmu tajwid.

Analisis Tahap Penguasaan Ilmu Tajwid

Tahap penguasaan ilmu tajwid mempunyai dua elemen penting daripada perspektif pelajar iaitu silibus ilmu tajwid dan tahap kefahaman ilmu tajwid.

Rajah 1: Tahap Penguasaan Ilmu Tajwid



Sumber: Soal Selidik, 15 Oktober-20 Oktober 2016

Hasil dapatan tahap penguasaan ilmu tajwid menunjukkan bahawa analisis kesemua item-item kefahaman pembelajaran ilmu tajwid mencatatkan interpretasi min pada tahap tinggi iaitu (min =4.19; sp=0.70).

Manakala dari aspek pengajaran silibus ilmu tajwid seperti dalam jadual 3 menunjukkan bahawa 100% responden bersetuju bahawa semua bab-bab yang terkandung di dalam silibus ilmu tajwid dipelajari iaitu dari bab muqaddimah ilmu tajwid sehingga akhir bab.

Ini juga di sokong dengan hasil temubual dengan ketiga-tiga guru yang terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran ilmu tajwid amat bersetuju bahawa semua pelajar diwajibkan mempelajari semua silibus ilmu tajwid iaitu ketika responden berada di kelas K1 dan K2 mereka diwajibkan hafaz matan- matan yang terdapat dalam kitab *Tuhfatul Atfal* yang ditulis oleh Syeikh Sulaiman bin Hasan bin Muhammad al-Jamzuri, kelas K3 hingga K6 mempelajari asas-asas ilmu tajwid secara teori dan amali dalam kitab Tajwid karangan Abu Mardhiyyah. Manakala hasil pemerhatian menunjukkan bahawa semua pelajar terlibat dengan tasmik matan secara individu dan guru juga menerangkan asas-asas ilmu tajwid dengan memperdengarkan bacaan contoh dan diikuti pelajar secara amali.

Jadual 3: Taburan Kekerapan dan Peratusan Silibus Ilmu Tajwid dari Persepsi Pelajar

Silibus ilmu Tajwid	Ya	Tidak	KK
Pengenalan Ilmu Tajwid	30 100%	0 0%	0 0%
Makhraj Huruf	30 100%	0 0%	0 0%
Sifat Huruf	30 100%	0 0%	0 0%
Hukum Nun Mati dan Tanwin	30 100%	0 0%	0 0%
Hukum Mim Mati	30 100%	0 0%	0 0%
Mad Asli	30 100%	0 0%	0 0%
Mad Far'i	30 100%	0 0%	0 0%
Hukum Alif Lam Qamariyah	30 100%	0 0%	0 0%
Hukum Alif Lam Syamsiah	30 100%	0 0%	0 0%
Bacaan Khusus Imam Hafis	30 100%	0 0%	0 0%

Sumber: Soal Selidik, 15 Oktober-20 Oktober 2016

Jadual 4 di bawah menunjukkan bahawa hampir keseluruhan item-item tahap kefahaman yang tinggi dicapai oleh responden dalam ilmu tajwid ialah item bab *Mad Asli* (min5.00, sp=0.00) dengan responden 100% sangat setuju, item bab *Alif Lam* (min4.96, sp=0.18) dengan responden sangat setuju 96.7%, item pengenalan ilmu tajwid (min4.90, sp=0.40) dengan responden sangat setuju 93.3%, item bab *Basmalah* (min4.76, sp=0.81) dengan responden sangat tidak setuju 90.0%, item bab hukum nun sakinah dan tanwin (min4.60, sp=1.06) dengan responden sangat bersetuju 83.3%, item bab *Izhar Halqi* dengan kadar bacaan dengung (min4.36, sp=1.37) dengan responden sangat tidak setuju 80%, item bab hukum *Mim Sakinah* (min4.13, sp=0.29) dengan responden sangat setuju 73.3% dan item bab bacaan *Riwayat Imam Hafis* (min4.23, sp=1.22) dengan responden sangat setuju 63.3%.

Kesimpulannya menunjukkan min keseluruhan item ialah min 4.19 dan sisihan piawai=0.97 iaitu berada pada tahap tinggi, tetapi terdapat min bagi item-item bab hukum mempelajari ilmu tajwid (min2.06, sp=1.38) dengan responden amat setuju 50% dan kadar *harakat Mad Far'ie* (min2.96, sp=1.75) dengan responden amat setuju 36.7% berada pada tahap sederhana rendah. Hasil ujian bacaan al-Quran yang dilaksanakan ke atas lima orang responden menunjukkan tahap bacaan al-Quran yang amat memuaskan tetapi memerlukan penambahbaikan dari aspek teori ilmu tajwid dalam bab *makhraj*, sifat dan hukum-hukum *Mad Far'ie*.

Jadual 4: Taburan Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Kefahaman Ilmu Tajwid dari Persepsi Pelajar

Kefahaman Ilmu Tajwid	STS	TS	KS	S	AS	Min	SP
Memperelokkan bacaan	0 0%	0 0%	0 0%	0 0%	30 100%	4.90	0.40
Hukum harus mempelajari ilmu tajwid	5 16.8%	0 0%	4 13.2%	6 20%	15 50%	2.06	1.38
Sunat Basmalah dalam al-Fatihah	27 90%	1 3.3%	1 3.3%	1 3.3%	0 0%	4.76	0.81
Hukum nun mati dan tanwin	3 10.0%	0 0%	1 3.3%	2 6.7%	25 83.3%	4.60	1.06
Kalimah <i>أُتِمَّتْ</i> dibaca dengung dua harakat	24 80.0%	1 3.3%	2 6.7%	3 10.0%	0 0.0%	4.36	1.37
Ikhfa' Syafawi ialah menyembunyikan mim mati dalam huruf ba'	6 20.0%	0 0%	0 0%	2 6.7%	22 73.3%	4.13	1.61
Huruf mad asli ada tiga iaitu alif, waw dan ya	0 0%	0 0%	0 0%	0 0%	30 100%	5.0	0.00

Kadar harakat Mad Aridh li Sukun empat dan lima	10	4	4	1	11		
	33.3%	13.3%	13.3%	3.3%	36.7%	2.96	1.75
Alif Lam terbahagi kepada Qamariyah dan Syamsiah	0	0	0	1	29		
	0%	0%	0%	3.3%	96.7%	4.96	0.18
Kalimah مجربها dibaca dengan imalah kubra	2	1	4	4	19		
	6.7%	3.3%	13.3%	13.3%	63.3%	4.23	1.22

Sumber: Soal Selidik, 15 Oktober-20 Oktober 2016

6. Perbincangan Dapatan Kajian

Berdasarkan analisis keseluruhan dapatan yang telah dikemukakan oleh responden, maka beberapa dapatan telah dapat dihasilkkan dalam kajian ini iaitu:

- 1) Profil pelajar menunjukkan mereka terdiri daripada kalangan 12 tahun ke atas iaitu berjaya memiliki UPSR.
- 2) Persepsi pelajar terhadap penguasaan ilmu tajwid berada pada tahap baik.
- 3) Kandungan silibus pengajian ilmu tajwid juga berada pada tahap memuaskan.
- 4) Namun begitu kefahaman pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu tajwid berada pada tahap sederhana tinggi.
- 5) Hasil temubual dan pemerhatian juga menyokong bahawa semua tajuk-tajuk yang terdapat dalam silibus ilmu tajwid dipelajari dengan tambahan para pelajar diwajibkan hafaz *matan-matan* berkaitan ilmu tajwid dalam kitab *Tuhfatul Atfal*.
- 6) Hasil dapatan kefahaman ilmu tajwid menunjukkan bahawa bab pengenalan tajwid, *makhraj huruf*, *sifat*, *nun mati*, *mim mati*, *mad asli*, *far'i*, *alif lam*, bacaan khusus *imam Hafs* dalam silibus ilmu tajwid berada di tahap memuaskan berbanding dengan dua item iaitu ilmu teori berkaitan hukum belajar tajwid dan bilangan kadar *harakat Mad Far'ie* berada di tahap kurang memuaskan.
- 7) Analisis dari ujian tilawah al-Quran menunjukkan tahap bacaan responden sangat memuaskan, cuma perlu penambahbaikan dari aspek teori ilmu tajwid dalam bab *makhraj*, *sifat* dan hukum-hukum *Mad Far'ie*.

7. Kesimpulan dan Cadangan

Dapatan kajian persepsi pelajar terhadap silibus ilmu tajwid berada pada tahap tinggi. Begitu juga dengan kefahaman pelajar dalam bab-bab ilmu tajwid berada di tahap baik dan ini disokong dengan hasil temu bual, pemerhatian dan ujian tilawah.

Cuma perlu penambahbaikan dan penekanan seperti latih tubi atau amali untuk mengukuhkan penguasaan mereka terhadap teori ilmu tajwid dalam bab-bab *makhraj*, *sifat* dan *Mad Far'ie*.

Antara cadangan-cadangan adalah seperti berikut:

- 1) Pihak ma'ahad menyediakan pertandingan atau kursus-kursus motivasi secara berkala berkaitan dengan ilmu tajwid atau al-Quran.
- 2) Pendidik perlu sentiasa memberi penekanan yang serius terhadap teori-teori ilmu tajwid ketika proses pengajaran dan pembelajar al-Quran.
- 3) Pelajar perlu dipupuk jiwa mencintai al-Quran dengan menerapkan kepentingan membaca al-Quran dan mempelajari ilmu-ilmu al-Quran.

Rujukan

- Ahmad Rozaini Ali Hasan. 2010. Tahap Penguasaan Bacaan al-Quran di Kalangan Pelajar-pelajar UiTM Serawak
- Al-Zarkasyi, Badr al-Din Muhammad bin 'Abdullah, (1972) Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Quran. Kaherah: Maktabah 'Isa al-Bab al-Halabi.
- Brosur Ma'ahad Tahfiz Azzahrah, Hulu Langat
- Cohen, L. & Manion, L. (1989) Research Methods in Education. Ed.ke-3. London: Routlege.
- Ibn al-Jazari al-Imam al-Hafiz Abu Khayr al-Dimashqi Muhammad bin Muhammad, (1400H/1980M), Munjid al-Muqri' in wa Murshid al-Talibin, Kaherah: Maktabat al-Qudsi.
- Lajnah Tilawah. 2010. Al-Munir fi Ahkam al-Tajwid. Al-Jam'iyah: 'Amman
- Lily Zuraini Mohd Mustaza. 2011. Tahap Penguasaan Ilmu Tajwid Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua Daerah Kuala Lumpur
- Mohd Majid Konting, (2009). Kaedah Penyelidikan Pendidikan Cet.ke-8, DBP: Kuala Lumpur.
- Mohd Yusuf Ahmad, (2005). *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Noraini Idris (2010), Penyelidikan dalam Pendidikan. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia Sdn. Bhd).
- Rashidah Md Hassan, Nik Rosila Nik Yaacob, Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya, Pencapaian Kelancaran Bacaan Fasahah dan Hukum Tajwid dalam Tilawah al-Quran Murid Sekolah Rendah: Satu Tinjauan Awal, PPPI USM dalam prosiding International Conference on Islamic Education and Social Enterpreneurship 12-14 Okt 2015, Langkawi: Malaysia
- Othman Lebar, Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Model. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009.
- Pallant, Julie, SPSS Survival Manual A step by step guide to data analysis using SPSS. Ed.ke-4. Australia: Allen&Unwin, 2011.
- Stufflebeam, Daniel L, (1971). The Relevance of The CIPP Evaluation Model for Educational Accountability. Ohio State University: Columbus.